

Headline **JU Diraja belasah Old Boys**
Date **18. Mar 2008**
Media Title **Berita Harian**
Section **Sukan**
Circulation **217920**
Readership **2083000**

Language **MALAY**
Page No **25**
Article Size **81** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



JLJ Diraja belasah Old Boys

PASUKAN JLJ Diraja mengakhiri kempen dalam kejohanan ragbi Liga Perdana Kesatuan Ragbi Selangor (KRS) dengan kemenangan besar 51-5 ke atas SMS Old Boys di padang Bandar Tun Razak, Sabtu lalu.

Cobra yang juga juara tahun lalu pula terpaksa menghadapi saingan sengit Kelab Diraja Selangor (RSC) sebelum mencatat kemenangan tipis, 18-14 di Kampus Alice Smith di Sri Kembangan manakala pasukan tercorot, KPD Tigers mendapat mata pertama apabila seri 8-8 dengan UPM Serdang Angels di padang UPM Serdang.

Namun, kemenangan JLJ Diraja dan Cobra tidak dapat menggugat kedudukan pasukan Alumni Sekolah Alam Shah (Asas) di persada liga dengan rekod tanpa kalah dalam semua enam perlawanan yang dilalui.

Asas mendapat kemenangan percuma dari pasukan Polis Depoh yang tidak dapat mengumpulkan pemain sehingga akhir bulan ini kerana pemain mereka masih terbabit dengan tugas Pilihan Raya Umum yang baru lalu.

Setiausaha kejohanan, Suhaimi Zainuddin, berkata selain memberi kemenangan percuma kepada Asas, lawan pasukan terdahulu seperti KPD Tigers, JLJ Diraja Diraja dan UPM Angels juga diberi kemenangan percuma.